



30 Januari 2026
30 January 2026
P.U. (A) 47

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PENKOMPANAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2026

*FIRE SERVICES (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(n) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2026**.

Pindaan peraturan 7

2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pengkompaunan Kesalahan) 2000 [*P.U. (A) 313/2000*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 7—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah membayar amaun yang dinyatakan dalam notis tawaran itu—

- (a) secara wang tunai dan hendaklah diserahkan secara sendiri kepada Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Bomba yang diberi kuasa olehnya secara bertulis;

- (b) melalui kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat dan dipalang dengan perkataan

“Akaun Penerima Sahaja” dan hendaklah diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat di alamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya; atau

(c) melalui kad kredit, kad debit, kad caj, kad prabayar atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain ke dalam akaun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.”; dan

(b) dengan memotong subperaturan (2) dan (3).

Pindaan Jadual

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual—

(a) dengan menggantikan perkataan “Jika anda menerima tawaran ini, bayaran hendaklah dibuat secara tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan dipalng dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja.” dengan perkataan yang berikut:

“Jika anda menerima tawaran ini, bayaran hendaklah dibuat—

(a) secara wang tunai dan hendaklah diserahkan secara sendiri kepada Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Bomba yang diberi kuasa olehnya secara bertulis;

(b) melalui kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, cek jurubank atau draf bank yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat

dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” dan hendaklah diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat di alamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya; atau

(c) melalui kad kredit, kad debit, kad caj, kad prabayar atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain ke dalam akaun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “Saya kemukakan bersama ini *wang tunai/kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/cek jurubank/draf bank No.” dengan perkataan “Saya kemukakan bersama-sama ini pembayaran *wang tunai/kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/cek jurubank/draf bank no. yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”/bukti pembayaran melalui *kad kredit/kad debit/kad caj/kad prabayar/pemindahan wang secara elektronik yang lain”.

Dibuat 30 Januari 2026
[KPKT(2)12/840/4; PN(PU2)471/JLD.7]

NGA KOR MING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

FIRE SERVICES ACT 1988

FIRE SERVICES (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 62(1)(n) of the Fire Services Act 1988 [*Act 341*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Fire Services (Compounding of Offences) (Amendment) Regulations 2026**.

Amendment of regulation 7

2. The Fire Services (Compounding of Offences) Regulations 2000 [*P.U. (A) 313/2000*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 7—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) A person who accepts an offer to compound an offence shall pay the amount specified in the notice of offer—

(a) in cash and shall be delivered personally to the Director General or any Fire Officer authorized by him in writing;

(b) by money order, postal order, cashier’s order, banker’s cheque or bank draft made payable to the Director General of Fire and Rescue Department and crossed with the words “Account Payee Only” and shall be delivered personally or sent by registered post to the Director General of Fire and Rescue Department to the address at Jabatan Bomba dan

Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya; or

(c) through credit card, debit card, charge card, prepaid card or any other forms of electronic fund transfer into the account of Fire and Rescue Department of Malaysia.”; and

(b) by deleting subregulations (2) and (3).

Amendment of Schedule

3. The principal Regulations are amended in the Schedule—

(a) by substituting for the words “If you accept this offer, payment shall be made in cash or by money order, postal order, cashier’s order, banker’s cheque or bank draft made payable to the Director General, Fire and Rescue Department and crossed with the words “Account Payee Only”.” the following words:

“If you accept this offer, payment shall be made—

(a) in cash and shall be delivered personally to the Director General or any Fire Officer authorized by him in writing;

(b) by money order, postal order, cashier’s order, banker’s cheque or bank draft made payable to the Director General of Fire and Rescue Department and crossed with the words “Account Payee Only” and shall be delivered personally or sent by registered post to the Director General of Fire and Rescue Department to the address at Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya; or

- (c) through credit card, debit card, charge card, prepaid card or any other forms of electronic fund transfer into the account of Fire and Rescue Department of Malaysia.”; and
- (b) by substituting for the words “I enclose herewith *cash/money order/postal order/cashier’s order/banker’s cheque/bank draft No.” the words “I enclosed herewith the payment in *cash/money order/postal order/cashier’s order/banker’s cheque/bank draft no. made payable to the Director General of the Fire and Rescue Department and crossed with the words “Account Payee Only”/proof of payment through *credit card/debit card/charge card/prepaid card/other electronic fund transfer”.

Made 30 January 2026
[KPKT(2)12/840/4; PN(PU2)471/JLD.7]

NGA KOR MING
Minister of Housing and Local Government